

Siri Jelajah Seranta Awam di Sabah hari ini

UB 08-09-2012 B6

KOTA KINABALU: Kementerian Kesihatan Malaysia sedang menjalankan siri jelajah ke seluruh negeri bagi mendapatkan input dan cadangan daripada rakyat serta pihak-pihak yang berkepentingan dalam usaha meningkatkan mutu sistem kesihatan negara.

Pengarah Kesihatan Negeri Sabah, Dr Mohd Yusof Ibrahim berkata Siri Jelajah Seranta Awam kajian sistem kesihatan Malaysia telah dimulakan dengan pelancarannya pada 31 Mac 2012 di Institut Pengurusan Kesihatan, Kuala Lumpur oleh Menteri Kesihatan Malaysia.

“Ia diikuti dengan Johor Baharu pada 28 April 2012, di Kota Baharu pada 28 Mei



YUSOFF

2012 dan di Kuala Terengganu pada 23 Jun 2012.

“Siri Jelajah Seranta Awam ini telah mendapat sambutan amat baik daripada rakyat setempat,” katanya.

Yusof berkata, Seranta Awam itu akan diadakan di peringkat negeri pada 8 September 2012 dari jam 9.00 pagi hingga 1.00 petang, bertempat di Auditorium Sekolah Perubatan, Blok B, Sekolah Perubatan, Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Semua pihak dialu-alukan untuk hadir dan memberi idea dan cadangan dalam menjadikan sistem kesihatan negara lebih berkualiti, boleh diakses oleh semua rakyat tidak kira miskin atau kaya, dan berdaya tahan untuk jangka masa panjang.

Orang ramai digalakkan membuat pendaftaran awal. Pendaftaran boleh dibuat melalui email di daftarforum@moh.gov.my.